



STRATEGI PENGGANTIAN DISFEMISME KEPADA EUFEMISME DALAM KOMUNIKASI LISAN MASYARAKAT BIDAYUH, BAU: ANALISIS PRAGMATIK

(Strategies for Replacing Dysphemism to Euphemism in Oral Communication of the Bidayuh, Bau Community: Pragmatics Analysis)

Suzieyiana Ritos^{1*}, Muhammad Zaid Daud¹

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS),
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

*Corresponding author: suzieyiana98@gmail.com

Received: 16 February 2020 • Accepted: 12 April 2020 • Published: 30 April 2020

Abstract

Strategies in oral communication must be guided by politeness and purity in speaking, not in a state of anger, joking, or even engaging in taboo matters. Therefore, the use of euphemisms that refer to subtle conversations is applied in nature as a substitute for speech which is dysphemism, which is referred to rudeness in speech. Therefore, this study was done based on a strategy in the oral communication of the Bidayuh, Bau community in Sarawak, which is inseparable from the use of abusive language, but can still be replaced with more subtle speech. This study was carried out in Kampung Serasot, Bau, Sarawak and researchers found that there were five types of replacement of dysphemism to euphemism (based on the findings of this study only) has been obtained through oral communication of the Bidayuh community in Bau, Sarawak such as involving limbs, femininity, hygiene, language of diatribe and related to death. This study is in qualitative form. To obtain this data, the researcher using “in-depth interview” method from two informants. The informants were selected based on the NORF (for female informant) and NORM (for male informant) i.e. (1) informal must be a native population in the area; (2) low mobility, that is, informants do not often leave their original places; (3) informants must be aged 40 to 60 years and above; physical and spiritual health, including hearing aids; (5) the origin of the respondents must be cultivated from the place of study; (6) the ability of informants about their language and dialect well; (7) and the informants must also be born and grow in their place of birth. The application of Relevance Theory (RT) by Sperber and Wilson (1986, 1995) and Bridging Cross Reference (BCR) by Kempson (1986) was applied to analyse data. Therefore, it can be formulated that this assessment is able to provide a general description of the Bidayuh community in Bau, Sarawak which can be referred to as people who have a high language politeness in their daily communication.

Keywords: *Disfemisme, euphemisms, Bidayuh-Bau community, oral communication, pragmatics*

Abstrak

Strategi dalam komunikasi lisan haruslah berpandukan kesopanan dan kemurnian dalam berbicara tidak kiralah dalam keadaan marah, gurau senda mahupun melibatkan perkara yang bersifat tabu. Oleh itu, penggunaan eufemisme yang merujuk kepada percakapan halus sifatnya diaplikasikan sebagai penggantian ujaran bersifat disfemisme iaitu merujuk kepada kekasaran dalam berbicara. Oleh itu, kajian ini akan berpandukan strategi dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau di Sarawak yang sememangnya tidak terlepas daripada penggunaan bahasa kasar, namun masih dapat digantikan dengan ujaran yang bersifat lebih halus. Kajian ini dijalankan di Kampung Serasot, Bau, Sarawak dan pengkaji mendapati bahawa sebanyak lima jenis penggantian disfemisme kepada eufemisme (berdasarkan dapatan kajian ini sahaja) telah diperoleh melalui komunikasi lisan masyarakat Bidayuh di Kampung Serasot, Bau, Sarawak seperti melibatkan anggota tubuh badan, hal kewanitaan, hal kebersihan, bahasa cacian dan berkaitan dengan kematian. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya. Untuk memperoleh data ini pengkaji telah menemu bual secara mendalam sebanyak dua orang informal berdasarkan rumus NORF (bagi informan wanita) dan NORM (bagi informan lelaki) iaitu (1) informal mestilah penduduk asli di kawasan tersebut; (2) mobiliti rendah iaitu informan tidak sering keluar dari tempat asalnya; (3) informan mestilah berumur 40 ke 60 tahun dan ke atas; (4) sihat jasmani dan rohani, termasuklah alat pendengarannya; (5) asal usul responden harus diusahakan dari tempat yang diteliti; (6) kemampuan informan mengenai bahasa dan dialeknya dengan baik; (7) dan informan juga mestilah lahir dan membesar di tempat kelahiran mereka. Penerapan Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1986) serta Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986) diaplikasikan. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa pengkajian sebegini mampu memberikan gambaran umum mengenai masyarakat Bidayuh di Bau, Sarawak yang dapat dirujuk sebagai masyarakat yang mempunyai kesantunan berbahasa yang tinggi dalam komunikasi harian mereka.


Kata kunci: Disfemisme, eufemisme, masyarakat Bidayuh-Bau, komunikasi lisan, pragmatik

Cite as: Ritos, S., Daud, M. Z. (2020). Strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis Pragmatik. *Asian People Journal*, 3(1), 64-83.

PENGENALAN

Menurut Rensch (2006), bahasa Dayak Darat dan bahasa Bidayuh merupakan suatu rangkaian dialek yang dituturkan di bahagian pedalaman bahagian Kuching dan Samarahan di barat daya Sarawak. Kira-kira 25 dialek yang boleh menjadi kumpulan kepada empat kelompok dialek tersebut iaitu, Bidayuh Timur (Bukar- Sadong), Pusat (Biatah-Penrissen), Tanah Tinggi (Tringgus-Sembaan-Atas Padawan) dan Barat (Singai-Jagoi). Sebagai tambahan kepada keluarga bahasa Bidayuh ini termasuk dalam kumpulan Bakati' yang agak dekat bilangan penuturnya di selatan di Barat Kalimantan. Menurut Aman (2008) pula, kelompok Bidayuhik mula mendapat perhatian para pengkaji sejak tahun 1840-an lagi. Istilah "Bidayuhik" dicipta pertama kalinya oleh Collins (1998) sewaktu beliau melakukan penulisan lapangan pada varian Melayik di Ketapang. Menurut beliau, istilah "Bidayuhik" digunakan sebagai acuan kepada puluhan varian yang sebelumnya dikenal dalam system kolonial sebagai *Land Dayak*. Istilah *Land Dayak* adalah ciptaan kolonial untuk membezakan kelompok ini dengan *Sea Dayak* atau orang Iban.

Kelompok Bidayuhik adalah satu kelompok bahasa yang diturunkan daripada bahasa Austronesia Purba. Ini seperti kelompok Melayik, kelompok Bidayuhik lokasi di Borneo atau secara lebih khusus bahasa ini dituturkan di beberapa kawasan di Sarawak seperti di Kuching (Penrissen, Siburan, dan Padawan), Serian, Bau, Lundu dan di wilayah Kalimantan Barat, Indonesia. Peratusan populasi penduduk etnik Bidayuh menduduki tempat keempat iaitu hanya 8.2% daripada keseluruhan populasi penduduk di Sarawak. Kajian Shin (2008), dalam buku Bahasa Bidayuhik di Borneo Barat menyatakan bahawa bahasa Bidayuhik merupakan antara sekian banyak cabang bahasa Austronesia di Borneo Barat. Bahasa ini tersebar dari hujung barat Sarawak di sebelah utaranya hinggalah ke daerah utara di Kalimantan Barat, iaitu dari Sungai Pawan (Collins, 1990) dan kira-kira 500 kilometer ke selatan dari Khatulistiwa. Di bahagian timur, varian ini bersempadan dengan Sungai Sekadau (Collins, 1990). Dengan persebaran yang luas, iaitu yang merangkumi Kalimantan Barat (Indonesia) dan bahagian Barat Sarawak (Malaysia), bahasa Bidayuhik mempunyai bilangan penutur yang ramai dan sebahagian besar daripadanya tersebar di wilayah Kalimantan Barat, Indonesia.



Rajah 1: Lokasi dialek Bidayuh yang mempunyai dialek yang sama iaitu dengan Rara dan Salako
(Sumber: Gambar Koleksi Rensch, 2006, p.2)

Dengan itu, dalam sesebuah masyarakat yang berbahasa sememangnya mempunyai suatu peraturan ataupun etika ketika berbahasa sama ada disebabkan oleh faktor kesopanan mahupun adat dan kepercayaan (Daud, Wahid & Gedat, 2017, 2018) dan masyarakat Bidayuh, Bau juga tidak terkecuali. Hal ini dapat dilihat dalam kewujudan pantang larang dalam berbahasa atau juga dikenali sebagai “Disfemisme”. Menurut Trudgill (1995) dalam (Apin & Wahab, 2015), menyatakan bahawa “Disfemisme” sebagai satu kecenderungan kepada perlakuan yang ditegah atas faktor-faktor yang berunsur supernatural atau dianggap tidak beradab serta tidak sesuai.

Manakala, dari segi jenis “Disfemisme” pula Frazer (2000) dalam (Apin & Wahab, 2015), telah membahagikan tabu kepada empat jenis iaitu disfemisme berkaitan tindakan atau perbuatan, disfemisme berkaitan orang, disfemisme berkaitan benda dan tabu berkaitan kata-kata. Dalam bidang linguistik, konsep disfemisme merujuk kepada penggunaan kata yang dielakkan atau digantikan dengan kata lain dalam keadaan tertentu (*Kamus Linguistik*, 1997, dalam Apin & Wahab, 2015). Hal ini meliputi larangan menyebut atau mengucapkan perkataan, ungkapan atau ayat yang tertentu, yang dianggap tidak sesuai, tidak beradab, yang boleh menimbulkan rasa malu atau aib, dan perlanggarannya pula dipercayai boleh menimbulkan kesan negatif.

Dalam hal untuk menggalakkan perlanggaran disfemisme ini, penggantian eufemisme dilakukan bagi membuat suatu perkataan atau kata itu kedengaran lebih sopan dan beradab jika didengar oleh banyak lapisan masyarakat. Merujuk Mahali (2007) pula, penggunaan eufemisme dalam masyarakat sebenarnya menggambarkan senario masyarakat itu sendiri. Masyarakat Melayu contohnya, sememangnya dikenali sebagai masyarakat yang berbudi pekerti dan mempunyai adab yang sopan serta peribadi yang halus.

Bagi salah satu suku etnik peribumi yang terdapat di Sarawak iaitu etnik Bidayuh, masyarakat ini juga tidak terkecuali daripada memiliki disfemisme dan eufemisme dalam bahasa Bidayuh, Bau. Sehubungan dengan itu, satu kajian dijalankan untuk meneliti kewujudan disfemisme dan penggantinya kepada bahasa eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, di Kampung Serasot, Bau Sarawak. Dalam masa yang sama penggantian bahasa eufemisme ini bertujuan untuk mengelakkan perlanggaran disfemisme tersebut yang akan dijadikan penelitian utama bagi kajian ini.

Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif kajian ini:


- a) Mengetahui jenis-jenis disfemisme dan eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh di Kampung Serasot, Bau, Sarawak.
- b) Menganalisis strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme menggunakan Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1986) serta Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986).

METODOLOGI KAJIAN

Satu kajian lapangan telah dijalankan di sebuah perkampungan di daerah Bau, Sarawak iaitu di Kampung Serasot. Kampung Serasot yang terletak di Bau, Sarawak. Jarak kampung ini ialah 48.2 km, 59 minit dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Lokasi ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana ini merupakan kawasan yang diduduki oleh majoriti masyarakat Bidayuh yang bertutur dalam bahasa Bidayuh subbahagian Bau sebagai fokus kajian ini.

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya. Pengumpulan data kajian dilakukan menerusi teknik temu bual mendalam telah dilakukan dalam situasi yang tidak formal. Temu bual ini melibatkan dua orang informan. Pemilihan informal ini menggunakan NORM (*non-mobile, older, rural, male*) dan NORF (*non-mobile, older, rural, female*). Hal ini disebabkan oleh, informan perempuan dan lelaki juga perlu diambil kira. Dengan ini, maka wujudnya keseimbangan data antara yang diambil sama ada lelaki mahupun perempuan. Menurut Omar (2008), panduan pengutipan data daripada lelaki dan perempuan elok dipatuhi.

Hal ini dikatakan kerana mungkin dalam sesuatu komuniti itu terdapat perbezaan antara bahasa lelaki dan perempuan dalam beberapa aspek tertentu. Kaedah pemerhatian juga digunakan iaitu dengan pengkaji itu sendiri turut serta. Dalam pengumpulan data diperoleh melalui penceritaan mengenai adab dan larangan dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau yang melibatkan beberapa perkara seperti anggota tubuh badan, hal kewanitaan, hal kebersihan, bahasa cacian dan berkaitan dengan kematian. Oleh itu, strategi penggantian eufemisme daripada disfemisme dapat diperoleh melalui ujaran dan penceritaan tersebut. Bagi pengelasan domain eufemisme dan disfemisme dalam kalangan masyarakat Bidayuh, Bau ini, pengkaji telah berpandukan teori eufemisme oleh Allan & Burrige (1991). Berdasarkan teori ini, terdapat konsep penggunaan dan pengkategorian seperti Rajah 2 di bawah;



Rajah 2: Konsep penggunaan dan pengkategorian eufemisme berdasarkan Teori Allan & Burrige (1991)

Bagi menganalisis data eufemisme dan disfemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau ini pengkaji akan menggunakan TR oleh Sperber dan Wilson (1986) yang menekankan konteks, kesan kognitif dan usaha memproses. Bantuan daripada ketiga-tiga penekanan TR ini, akan membuatkan sesuatu ujaran itu lebih bermanifestasi. Di samping itu, pengkaji turut mengaplikasikan pendekatan RRS oleh Kempson (1986). Pendekatan ini, semakin mendapat sambutan dalam kalangan pengkaji khususnya dalam pendekatan semantik inkuisitif. Contohnya, rujuk kajian Jalaluddin (2014a; 2014b; 2015), Nopuah, Jalaluddin dan Kasdan (2017a; 2017b; 2018), Daud (2018a; 2018b; 2018c; 2020), Subet dan Nasir (2019) serta Daud dan Subet (2019a; 2019b; 2019c; 2019d). Menurut Jalaluddin dan Syah (2009), RRS dapat mengizinkan penggantungan konteks daripada anteseden yang wujud dalam sesebuah ujaran. Anteseden yang dimaksudkan ini ialah maklumat tambahan yang diperlukan tetapi, tidak wujud langsung, sama ada daripada kandungan eksplisit mahupun gambaran visualnya. Menurut mereka lagi, maklumat awal mengenai apa-apa yang diperkatakan adakalanya tidak menginterpretasikan makna yang hendak disampaikan. Dengan itu, premis tambahan diperlukan biasanya diperoleh daripada konteks ujaran atau penulisan tersebut. Premis tambahan atau maklumat tambahan inilah yang disebut sebagai anteseden dalam kaedah RRS

HASIL KAJIAN

Masyarakat Bidayuh di perkampungan Daerah Bau, Sarawak iaitu di Kampung Serasot mempunyai beberapa jenis disfemisme dan penggantian eufemisme yang diamalkan dalam kegiatan hidup mereka seperti berkaitan anggota tubuh badan, hal kewanitaan, hal kebersihan, bahasa cacian dan juga kematian. Pada bahagian ini, pengkaji turut mengaplikasikan Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1986) serta Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986).

Jenis-Jenis Disfemisme Yang Diamalkan Oleh Masyarakat Bidayuh Di Kampung Serasot, Bau, Sarawak Dan Penggantian Bahasa Eufemisme Bagi Suatu Perkataan

Disfemisme dalam masyarakat Bidayuh berbentuk perkataan, ungkapan dan ayat. Bagi mengelakkan pelanggaran disfemisme, masyarakat Bidayuh yang dikaji didapati menggunakan eufemisme sebagai strategi menangani hal tersebut. Menurut Teo (1996) dalam (Apin & Wahab, 2015), eufemisme ialah perkataan atau frasa yang lebih sopan dan halus sifatnya yang digunakan untuk menggantikan perkataan atau frasa yang di anggap sebagai kasar dan tidak sedap didengar. Dengan kata lain, ungkapan yang berunsur eufemisme berfungsi menggantikan ungkapan-ungkapan yang memiliki konotasi ofensif dengan ungkapan-ungkapan yang mempunyai konotasi positif (Leech, 1993, dalam Apin & Wahab, 2015). Sehubungan itu, eufemisme yang digunakan dalam masyarakat Bidayuh, Bau berfungsi untuk menghaluskan pengucapan, menunjukkan rasa hormat, merahsiakan sesuatu perkara yang dianggap aib.

Disfemisme Dan Eufemisme Berkaitan Dengan Anggota Tubuh Badan

Berhubung dengan disfemisme berkaitan anggota tubuh badan seperti Jadual 1, masyarakat Bidayuh tidak akan menyebut bahagian-bahagian anggota tubuh badan yang dianggap tabu. Anggota tubuh badan manusia yang dianggap tabu dalam masyarakat Bidayuh biasanya melibatkan bahagian-bahagian yang dianggap sulit terutamanya kemaluan atau alat kelamin. Tanpa mengira usia muda atau tua, bahagian kemaluan adalah bahagian yang dianggap paling sensitif untuk dibicarakan secara terbuka atau disebut secara langsung.

Jadual 1: Disfemisme Berkaitan dengan Anggota Tubuh Badan dan Eufemisme yang Digunakan

Bahasa Melayu	Disfemisme Bahasa Bidayuh	Eufemisme Bahasa Bidayuh
Payudara	sisun	nenen
Alat kemaluan lelaki	tuloi	barang nikon, loloi, yoyoi
Alat kemaluan perempuan	tobiet	pepeng, tonyuam

Data dalam Jadual 1 menunjukkan beberapa contoh disfemisme berkaitan anggota tubuh badan serta bentuk eufemisme yang digunakan oleh masyarakat Bidayuh, Bau. Berikut merupakan contoh ujaran berserta konteks penggunaan disfemisme yang digantikan dengan eufemisme berdasarkan komunikasi lisan masyarakat Bidayuh.

(Disfemisme) “sisun” -----> (Eufemisme) “nenen”

Konteks Penggunaan: Mengejek

Disfemisme: "Ayuh mun ***sisun*** dayung di pakai bojuh biliah noh" (Bahasa Bidayuh, Bau)

"Besarnya ***payudara*** perempuan yang memakai baju warna merah itu". (Bahasa Melayu)

Perkataan “payudara” dalam disfemisme masyarakat Bidayuh ialah “sisun” yang dapat dikaitkan dalam konteks penggunaan mengejek susuk tubuh seseorang itu dan di anggap sebagai tidak sopan diujarkan secara terus terutamanya bagi yang berlawanan jantina seperti lelaki menyatakan perkara tersebut kepada wanita.

Konteks Penggunaan: Kekeluargaan

Eufemisme: "*Onak kopot noh tingah siduak di ***nenen*** sindok ea*" (Bahasa Bidayuh, Bau)
 "*Budak kecil itu sedang menyusui pada susu ***badan*** ibunya*" (Bahasa Melayu)

Manakala perkataan “nenen” merupakan eufemisme dalam bahasa Bidayuh, Bau yang digunakan dalam konteks penggunaan kekeluargaan. Perkataan “nenen” itu dapat diasosiasikan dengan “badan” dalam Bahasa Melayu yang dapat menunjukkan bahawa kehalusan dalam berbahasa yang tidak diujarkan secara terus bagi merujuk kepada payudara wanita seperti mana yang terdapat diujarkan disfemisme tadi.

Perkataan “sisun” di anggap sebagai suatu perkataan yang kurang sopan bagi masyarakat Bidayuh. Perkataan “payudara” yang merujuk kepada perkataan “sisun” dalam disfemisme masyarakat Bidayuh disifatkan sebagai suatu perkataan yang seakan mengejek fizikal seseorang wanita. Perkataan tersebut merujuk kepada anggota tubuh badan yang terdapat pada seseorang wanita dan di anggap sebagai sensitif. Bagi masyarakat Bidayuh perkataan tersebut dapat menimbulkan perasaan kurang senang dan malu pada diri seseorang wanita. Oleh itu, perkataan “nenen” digunakan sebagai eufemisme untuk menggantikan disfemisme tersebut. Penggunaan perkataan “nenen” menunjukkan bahawa masyarakat Bidayuh menggunakan bahasa yang sopan dalam berbahasa bagi mengelakkan perasaan kurang senang serta malu terhadap orang yang dilawan bercakap terutamanya apabila bercakap dengan lelaki dan kanak-kanak.

a) Rangka Rujuk Silang

RRS berupaya menentukan andaian-andaian atau konteks yang diperlukan dalam mentafsirkan ujaran (Seruddin, 2018). Pendengar dapat mengetahui bahawa eufemisme dan disfemisme yang terdapat di dalam ayat tersebut digunakan untuk konteks kekeluargaan. Oleh itu, pendengar dapat memahami apa yang hendak disampaikan oleh penutur. Hal ini dikatakan demikian kerana adanya anteseden *sedang menyusui pada susu badan ibunya* menunjukkan perbuatan anak yang menyusui payudara ibunya kerana ia dapat memberi kebaikan kepada ibu dan anak. Seperti yang diketahui umum, penyusuan susu badan amat digalakkan bagi memberikan nutrien yang baik pada anak. Melalui anteseden yang terdapat di dalam ayat, pendengar akan dapat mengetahui bahawa eufemisme “nenen” merujuk kepada anggota tubuh badan yang terdapat pada seorang wanita.

b) Analisis Relevan

Penggunaan anteseden *sedang menyusui pada susu badan ibunya* membolehkan pendengar memperoleh kesan kognitif yang tinggi. Anteseden tersebut memberikan gambaran yang jelas kepada pendengar iaitu bayangan seorang wanita yang sudah berkahwin dan mempunyai anak. Dengan kesan kognitif yang tinggi, pendengar berupaya untuk memproses makna tersirat ujaran ini dengan mudah. Pendengar tidak mengalami kesukaran untuk mentafsir maksud tersebut kerana amalan ini sememangnya telah lama dipraktikkan di dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, strategi penggantian disfemisme “sisun” kepada eufemisme “nenen” lebih bermanifestasi.

(Disfemisme) “tuloi” -----> (Eufemisme) “yoyoi”

Konteks Penggunaan: Kemarahan

Disfemisme: "*Dali bakok noh masi geh bitangga*** tuloi*** ea di nyaa wat ogi nyaa motas sipang bori ea noh. Keluarga eh tong doik geh puan watki yak kawal iyoh lagik. Iyoh jadi watnoh lопас boli eh souh.*" (Bahasa Bidayuh, Bau)

"*Lelaki kurang siuman itu sering menayangkan ***alat kemaluannya*** kepada orang yang melalui simpang rumahnya". Ahli keluarganya juga tidak tahu macam mana hendak mengawalnya lagi. Dia jadi begitu selepas rumahnya terbakar.*" (Bahasa Melayu)

Alat kemaluan lelaki dalam disfemisme Bidayuh ialah “tuloi” yang digunakan dalam konteks kemarahan kepada seseorang yang kurang siuman di kampung tersebut dan eufemisme bagi perkataan tersebut ialah “barang nikon, loloi, yoyoi”. Perkataan-perkataan tersebut merupakan dianggap sebagai suatu perkataan yang lucah dan tidak boleh disebut sesuka hati kerana boleh menimbulkan perasaan kurang senang dan serta malu kepada diri individu yang mendengarnya. Dalam masyarakat Bidayuh, orang yang mengujarkan disfemisme tersebut dianggap agak biadab terutamanya apabila diucapkan di hadapan orang yang lebih tua. Masyarakat Bidayuh amat menitikberatkan aspek kesantunan berbahasa terutamanya apabila merujuk kepada anggota tubuh badan yang dianggap sensitif. Oleh itu, eufemisme digunakan bagi menjaga kesopanan tutur kata mereka.

Konteks Penggunaan: Teguran

Eufemisme: "*Seluar pakai muk noh totak. Sak nyaa kilin ***yoyoi*** muk noh tiak yoh.*" (Bahasa Bidayuh Bau)

"*Seluar kamu pakai tu koyak. Nanti orang nampak ***alat kemaluan*** kamu.*" (Bahasa Melayu)

Penggunaan perkataan “tuloi” dalam disfemisme Bidayuh menunjukkan bahawa emosi pengujar dalam keadaan marah dan memaki seseorang. Masyarakat Bidayuh menganggap perkataan tersebut sebagai suatu perkataan yang lucah dan dianggap sebagai perkataan yang tidak elok untuk diucapkan secara terus. Perkataan tersebut dapat memberikan tanggapan yang negatif terhadap seseorang. Ibu bapa masyarakat Bidayuh tidak akan menyebut perkataan ini secara terus kepada anak-anaknya sebaliknya mereka akan menggunakan eufemisme iaitu “barang nikon”, “loloi”, “yoyoi”. “Tuloi” merupakan bahagian anggota badan sulit lelaki yang tidak seharusnya ditunjukkan kepada orang lain. Masyarakat Bidayuh menganggap disfemisme tersebut sebagai suatu perkataan yang lucah dan tidak seharusnya diujarkan secara sembarangan terutamanya apabila bercakap di hadapan kanak-kanak kerana takut kanak-kanak menganggap perkataan tersebut sebagai sebuah kebiasaan. “Tuloi” digunakan di dalam ayat tersebut kerana pengujar berasa marah dengan perbuatan lelaki yang tidak senonoh itu. Penggantian disfemisme tersebut menunjukkan bahawa selain menggunakan kehalusan semasa berbahasa masyarakat Bidayuh juga mendidik anak-anak sejak dari kecil supaya mengamalkan bahasa yang sopan semasa mengucapkan perkataan tersebut.

a) Rangka Rujuk Silang

Berdasarkan eufemisme dan disfemisme yang digunakan di dalam ayat tersebut, pendengar dapat mentafsir apa yang hendak disampaikan oleh penutur dengan cepat. Pendengar yang mendengar ujaran ini akan mengetahui sebab mengapa lelaki tersebut menunjukkan alat kemaluannya kepada orang yang melimpasi simpang rumahnya. Terdapat dua anteseden yang terdapat di dalam ayat ini iaitu *kurang siuman* dan *jadi begitu selepas rumahnya terbakar*. Penggunaan anteseden tersebut menunjukkan punca mengapa lelaki tersebut melakukan perbuatan yang

kurang senonoh itu. Manakala bagi eufemisme ayat kedua, pendengar dapat mengetahui dengan mudah apa yang ingin disampaikan oleh penutur dengan adanya anteseden *benda yang lucu*.

b) Analisis Relevan

Ujaran eufemisme dan disfemisme ini mencapai tahap relevan yang optimum kerana dilengkapi maklumat tambahan tentang sebab mengapa lelaki tersebut menunjukkan alat kemaluannya di depan orang. Melalui anteseden yang ada, pendengar mempunyai kesan kognitif yang tinggi untuk mentafsirkan makna ujaran tersebut. Pendengar tidak sukar untuk memproses eufemisme dan disfemisme tersebut kerana sifat kurang siuman sememangnya dapat membuatkan seseorang itu membuat perkara yang tidak senonoh dan lari dari norma masyarakat yang normal.

(Disfemisme) “tobiet” -----> (Eufemisme) “pepeng”

Konteks penggunaan: Kemarahan

Disfemisme: “*Dayung noh suka manah sobot onik dek latah kodak ***tobiet***. Teruk manah mun perangai eh.* (Bahasa Bidayuh Bau)

“*Perempuan itu suka menyebut benda yang lucu seperti ***alat kemaluan perempuan***. Perangai dia tu sangat teruk.*” (Bahasa Melayu)

Alat kemaluan perempuan dalam disfemisme Bidayuh ialah “tobiet” manakala “pepeng” dan “tonyuam” ialah eufemisme bagi alat kemaluan perempuan. Kebanyakan ibu bapa akan menggunakan perkataan ini semasa anak-anak mereka kecil supaya anak-anak mereka terbiasa menggunakan perkataan yang lebih sopan.

Konteks penggunaan: Kekeluargaan

Eufemisme: “*Sudik Lina noh dayung. Ningak iyoh ogik ***pepeng*** eh.*” (Bahasa Bidayuh Bau)

“*Adik lina tu perempuan. Tengok dia ada ***alat kemaluan perempuan***.*” (Bahasa Melayu)

Dalam ayat tersebut, pengujar menggunakan eufemisme “pepeng” bagi menggantikan disfemisme tobiet. Penggunaan eufemisme tersebut kedengaran lebih sopan berbanding disfemisme “tobiet”. Dalam masyarakat Bidayuh, eufemisme tersebut biasanya digunakan di dalam situasi apabila bercakap dengan budak-budak kecil. Hal ini dapat mengelakkan budak-budak kecil daripada terbiasa mengucapkan disfemisme “tobiet” yang dianggap kurang sopan dan tidak senonoh. Bagi masyarakat Bidayuh perkataan tersebut tidak boleh disebut secara sembarangan kerana dianggap perkataan yang kasar dan dapat menimbulkan kemarahan orang yang mendengarnya. Penggantian disfemisme ini menunjukkan masyarakat Bidayuh mementingkan kehalusan semasa berbahasa terutamanya apabila melibatkan anggota badan yang dianggap sensitif.

a) Rangka Rujuk Silang

Pendengar dengan cepat dapat memahami apa yang dimaksudkan dengan adanya anteseden *dayung*. Dalam bahasa Bidayuh, *dayung* bermaksud perempuan. Penggunaan anteseden *dayung* di dalam ayat tersebut menunjukkan bahawa pengujar merujuk kepada seseorang dengan jantina perempuan kerana memiliki alat kemaluan seorang perempuan. Anteseden tersebut membolehkan pendengar mengetahui bahawa perkataan yang dimaksudkan di dalam ayat tersebut adalah merujuk kepada bahagian anggota badan seorang perempuan yang digunakan untuk

membuang air kecil dan ketika proses pembiakan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa eufemisme pepeng hanya digunakan untuk merujuk kepada alat kemaluan perempuan.

b) Analisis Relevan

Kesan kognitif yang digunakan di dalam ayat ialah tinggi. Hal ini kerana pendengar telah dilengkapi dengan maklumat yang berdasarkan pengalaman hidup iaitu jika seseorang itu ialah seorang perempuan maka sudah tentulah seseorang tersebut memiliki anggota tubuh badan seorang perempuan. Walaupun anteseden yang digunakan hanyalah perkataan “dayung”, pendengar dapat memahami dengan jelas kerana anggota badan tersebut hanya terdapat pada seorang perempuan. Kesan kognitif yang tinggi membolehkan usaha memproses menjadi cepat dan pendengar dapat memahami eufemisme tersebut dalam tempoh masa yang sekejap.

DISFEMISME DAN EUFEMISME BERKAITAN DENGAN HAL KEWANITAAN

Masyarakat Bidayuh yang dikaji turut mempunyai disfemisme yang khusus berkaitan dengan hal-hal kewanitaan. Bagi mendapatkan data berkaitan disfemisme yang melibatkan wanita, hanya kaum wanita sahaja yang ditemu bual dalam kajian ini.

Jadual 2: Disfemisme Berkaitan dengan Hal Kewanitaan dan Eufemisme yang Digunakan

Bahasa Melayu	Disfemisme Bahasa Bidayuh	Eufemisme Bahasa Bidayuh
Datang bulan	nog buran	nog kois

Jadual 2 menunjukkan data disfemisme berkaitan hal kewanitaan dalam masyarakat Bidayuh yang dikaji. Jadual 2 menunjukkan bahawa perkataan “nog buran” bagi datang bulan atau haid dalam disfemisme Bidayuh. Eufemisme bagi perkataan tersebut ialah “nog kois”. Berikut merupakan contoh ujaran berserta konteks penggunaan disfemisme yang digantikan dengan eufemisme berdasarkan komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau, Sarawak.

(Disfemisme) “nog buran” ----- > (Eufemisme) “nog kois”

Konteks penggunaan: Teguran

Disfemisme: “*Blakang slua dayung noh ogik doyak. Laan eh iyoh bauh geh ***nog buran*** neh.*” (Bahasa Bidayuh Bau)

“*Belakang seluar perempuan itu ada darah. Mungkin dia baru ***datang bulan***.*” (Bahasa Melayu)

Perkataan “nog kois” merujuk kepada wanita yang datang bulan. Masyarakat Bidayuh tidak akan mengungkapkan terus perkataan “nog kois” kerana dianggap dapat menjatuhkan imej wanita dan dapat mendatangkan perasaan malu kepada seseorang wanita apabila diujarkan secara terang-terangan. Eufemisme “nog buran” digunakan kerana wanita mengalami datang haid pada setiap bulan. Penggunaan disfemisme ini kadangkala digunakan sebagai bahan usikan. Hal ini menjadikan perempuan yang diusik itu berasa malu kerana datang bulan merupakan satu hal yang sensitif bagi orang perempuan. Oleh itu, penggantian kepada eufemisme “nog buran” dapat mengurangkan rasa malu terhadap orang yang dituju ujaran tersebut. Tegasnya, salah satu cara masyarakat Bidayuh menjaga tutur kata mereka semasa berbicara adalah dengan menggunakan eufemisme.

Konteks Penggunaan: Usikan

Eufemisme: “*Mok ***nog kois*** leh tiak muu neh. Bujang tiak. Mok dapod tiak bibonon.*” (Bahasa Bidayuh Bau)

“*Dah ***datang bulan*** dah kamu. Sudah akil baligh. Dah dapat bersuami.*” (Bahasa Melayu)

Dalam ayat tersebut, eufemisme *nog buran* digunakan dalam situasi mengusik seseorang yang baru sahaja mengalami tempoh datang bulan. Ayat tersebut dapat menimbulkan perasaan malu kepada pendengar. Penggunaan disfemisme “*nog kois*” dianggap sebagai suatu ujaran yang sensitif dan menimbulkan perasaan segan kepada orang yang dituju perkataan tersebut. Dalam ayat tersebut, pengujar mengusik pendengar dengan mengatakan bahawa pendengar sudah akil baligh dan sudah dapat berkahwin. Akil baligh adalah satu peringkat dalam hidup di mana tubuh dan fizikal seseorang berubah dari kanak-kanak ke dewasa.

Perkataan ini dianggap sebagai tabu kerana dapat membuatkan seseorang wanita yang mengalami tempoh datang bulan itu malu apabila diketahui sedang datang bulan. Dalam masyarakat Bidayuh mereka amat menitikberatkan soal datang bulan ini kerana ini melibatkan soal yang sensitif terutamanya bagi wanita. Oleh itu, masyarakat Bidayuh menggantikannya dengan eufemisme “*nog buran*” bagi mengelakkan timbulnya perasaan kurang senang dan segan di dalam diri pendengar.

a) Rangka Rujuk Silang

Untuk mentafsir ujaran ini, pendengar akan mengetahui bahawa perempuan itu datang bulan dengan anteseden “*belakang seluar perempuan itu ada darah*”. Andaian implikatur yang dibina adalah seperti berikut:

- 1) Datang bulan merupakan proses membuang darah, mukus dan sel-sel yang sudah mati melalui lubang faraj.
- 2) Setiap perempuan akan mengalami proses datang bulan setelah akil baligh.

Dengan adanya anteseden tersebut, pendengar dapat membuat andaian-andaian tersebut.

b) Analisis Relevan

Eufemisme dan disfemisme di dalam ayat tersebut mempunyai dua konteks yang jelas iaitu konteks pengetahuan am bahawa perempuan yang datang bulan akan mengalami proses keluar darah haid dan anteseden ayat itu iaitu *belakang seluar perempuan tu ada darah*. Melalui penggabungan dua konteks ayat ini, kesan kognitif yang diperoleh adalah tinggi. Kesan kognitif yang tinggi membawa kepada usaha memproses yang rendah dan pendengar dengan sepat dapat mentafsir makna eufemisme tersebut.

DISFEMISME DAN EUFEMISME BERKAITAN DENGAN HAL KEBERSIHAN

Masyarakat Bidayuh turut mempunyai disfemisme berkaitan dengan hal kebersihan terutamanya melibatkan benda yang dianggap kotor.

Jadual 3: Disfemisme Berkaitan dengan Hal Kebersihan dan Eufemisme yang Digunakan

Bahasa Melayu	Disfemisme Bahasa Bidayuh	Eufemisme Bahasa Bidayuh
Buang air kecil	masing	sa'at piin
Buang air besar	moki	betapok, odi suan

Berdasarkan Jadual 3, perkataan membuang air kecil dalam disfemisme Bidayuh ialah “masing”. Eufemisme bahasa Bidayuh bagi perkataan membuang air kecil ialah “sa’at piin”. Selain itu, perkataan membuang air besar dalam disfemisme Bidayuh ialah “moki”. Penggunaan perkataan “moki” dianggap sebagai bahasa kasar, maka eufemisme bagi perkataan “moki” ialah “betapok” dan “odi suan”. Masyarakat Bidayuh menggantikan disfemisme tersebut kepada eufemisme bagi mengelakkan orang yang dilawan bicara berasa jijik dan geli terutamanya ketika berada di dalam situasi keramaian seperti kenduri makan. Penggunaan eufemisme di dalam berbahasa menunjukkan bahawa ungkapan disfemisme tersebut dianggap sebagai kotor dan dapat mendatangkan perasaan geli pada diri pendengar.

(Disfemisme) “masing” -----> (Eufemisme) “sa’at piin”

Konteks penggunaan: Keinginan membuang air kecil

Disfemisme: *“Asong ku ***masing*** nyam eh. Oku odi jamban diok.”* (Bahasa Bidayuh, Bau)
“Saya rasa macam nak buang air kecil. Saya pergi ke tandas dulu.” (Bahasa Melayu)

Konteks Penggunaan: Kesihatan

Eufemisme: *“Paguh bih nuak bogok piin masak neh pak eh odak odop nyek ga ****saat piin****.”* (Bahasa Bidayuh Bau)
*“Memang bagus minum banyak air masak tapi akan menyebabkan kita kerap ***membuang air***.”* (Bahasa Melayu)

Eufemisme “sa’at” piin merujuk kepada perbuatan membuang air kecil. Dalam ayat tersebut, eufemisme sa’at piin digunakan di dalam situasi kesihatan kerana pengujar menyatakan bahawa minum banyak air bagus untuk kesihatan tubuh badan kita tetapi dalam masa yang sama akan menyebabkan kita kerap membuang air kecil. Dalam Bahasa Bidayuh, perkataan “sa’at” bermaksud buang manakala perkataan piin bermaksud air. Oleh itu wujudlah istilah “saat piin” yang bermaksud membuang air kecil. “Sa’at piin” digunakan sebagai eufemisme untuk menutup sesuatu perkara yang tidak manis bunyinya iaitu masing dengan menggunakan perkataan yang lebih elok. Perkataan ini dianggap tabu kerana dapat menimbulkan rasa kurang sopan terhadap pendengar. Sebagai gantinya eufemisme “sa’at piin” digunakan untuk merujuk kepada disfemisme “masing”. Penggantian eufemisme ini bertujuan untuk berlaku sopan terhadap orang yang diajak bercakap terutamanya di khalayak ramai. Eufemisme tersebut lebih sopan dan dapat mengurangkan perasaan geli kepada pendengar.

a) Rangka Rujuk Silang

Eufemisme ini sangat mudah untuk di tafsir oleh pendengar. Dalam ayat ini terdapat anteseden iaitu banyak minum air masak. Pendengar yang mendengar ujaran ini akan tahu bahawa meminum banyak air akan menyebabkan seseorang itu kerap membuang air kecil. Semakin banyak air yang kita minum maka semakin banyaklah proses penghasilan air di dalam badan sehingga menyebabkan berlakunya proses perkumuhan cecair di dalam badan. Minum air yang banyak memberikan banyak kebaikan kepada tubuh badan kita. Seperti yang diketahui umum, air dapat mengawal suhu badan, membawa nutrien dan oksigen kepada tubuh badan, membuang toksik daripada buah

pinggang dan hati, melarutkan vitamin dan mineral serta menghalang badan daripada dehidrasi terutamanya dalam keadaan cuaca yang panas. Melalui anteseden minum banyak air masak, pendengar dapat mengetahui bahawa eufemisme “sa’at piin” merujuk kepada perbuatan membuang air kecil.

b) Analisis Relevan

Eufemisme ini mempunyai konteks yang jelas di dalam kognitif penutur iaitu meminum air dalam kuantiti yang banyak akan menyebabkan seseorang itu membuang air kecil. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pengambilan air yang banyak akan menambahkan cecair di dalam badan dan menyebabkan berlakunya proses perkumuhan yang kerap. Melalui konteks ini, kesan kognitif yang diperoleh adalah tinggi. Kesan kognitif yang tinggi akan membawa kepada usaha memproses yang rendah. Dengan ini, pendengar akan dapat memahami dengan cepat maksud ujaran tersebut kerana sememangnya amalan meminum air yang banyak ini sering dikaitkan dengan proses pembuangan air kecil yang kerap.

(Disfemisme) “moki” -----> (Eufemisme) “betapok”

Konteks penggunaan: Memberitahu sesuatu kepada orang yang dilawan bicara

Disfemisme: *“Iyoh man tubik basi jai eh. Noh ngan neh okak ***moki ***neh.”* (Bahasa Bidayah Bau)

*“Dia makan nasi basi tadi. Sebab itulah dia asyik ***membuang air besar***.”* (Bahasa Melayu)

Konteks Penggunaan: Kemarahan

Eufemisme: *“Mokua ***betapok*** doliak nijuah makup jamban pakai piin. Muu pikir nyaa bokon suka ningak tokik muk keh? Slidak manah.”* (Bahasa Bidayah Bau)

*“Lepas*** membuang air besar*** tidak mahu jirus mangkuk tandas dengan air. Kamu fikir orang lain suka tengok najis kamu kah? Pengotor betul.”* (Bahasa Melayu)

Disfemisme “moki” di dalam ayat pertama digunakan di dalam konteks memberitahu sesuatu perkara kepada orang yang dilawan bicara manakala eufemisme “betapok” digunakan di dalam konteks kemarahan. Dalam ayat disfemisme “moki” perkataan tersebut kedengaran kurang manis dan dapat menimbulkan perasaan jijik kepada pendengar. Dalam ayat eufemisme “betapok” pula, penguji berasa marah kerana orang yang menggunakan tandas tersebut tidak menjirus mangkuk tandas selepas membuang air besar. Membuang air besar merupakan satu proses semula jadi iaitu perbuatan mengeluarkan hampas makanan pada perut melalui dubur. Tindakan orang tersebut dapat mendatangkan perasaan geli kepada sesiapa sahaja yang melihatnya. Eufemisme “betapok” lebih sopan digunakan berbanding disfemisme “moki”. Hal ini kerana disfemisme “moki” kedengaran agak kasar dan dapat memalukan orang yang dituju ujaran tersebut. Penggunaan disfemisme tersebut dapat membuatkan pendengar berasa geli dan jijik terutamanya apabila berada di dalam situasi kenduri makan. Oleh itu, eufemisme “betapok” digunakan bagi menggantikan disfemisme berak supaya lebih elok didengari.

a) Rangka Rujuk Silang

Pendengar mudah untuk memahami maksud ujaran eufemisme buang air besar dengan adanya anteseden jirus mangkuk tandas dan najis pada ayat pertama dan ayat kedua. Dengan adanya anteseden tersebut, pendengar dapat memahami bahawa menjirus mangkuk tandas dengan air merupakan perbuatan yang harus dilakukan selepas

membuang air besar. Hal ini disebabkan sekiranya seseorang itu tidak menjirus mangkuk tandas selepas membuang air besar, ianya dapat mendatangkan kegelian kepada orang yang melihatnya. Sudah menjadi lumrah manusia bahawa kita tidak suka melihat benda yang kotor dan menjijikkan sebaliknya kita lebih suka melihat benda yang bersih. Bagi anteseden najis pula, pendengar dengan mudah dapat mengetahui apa yang dimaksudkan dengan eufemisme buang air besar kerana proses membuang najis hanya dapat dilakukan dengan perbuatan membuang air besar. Maklumat tambahan pengotor betul pada ayat ketiga mempercepatkan lagi pemahaman pendengar untuk memahami eufemisme membuang air besar kerana perbuatan tersebut dianggap menggelikan dan hasil najis yang keluar dari lubang dubur itu dianggap kotor dan menjijikkan. Perkara ini telah menjadi anteseden kepada eufemisme yang membantu pendengar memahami makna ujaran eufemisme tersebut.

a) Analisis Relevan

Penggunaan jirus mangkuk tandas dan najis memberikan kesan kognitif yang tinggi kepada pendengar. Pendengar dapat memahami hubung kait antara perbuatan menjirus mangkuk tandas dan najis kerana seperti yang kita ketahui, selepas membuang air besar kita haruslah menjirusnya dengan air supaya orang lain yang ingin menggunakan tandas tersebut tidak berasa geli melihat kotoran tersebut. Kesan kognitif yang tinggi membawa kepada usaha memproses yang rendah kepada pendengar kerana mendapat maklumat rujukan yang cukup untuk memahami eufemisme tersebut. Oleh itu, pendengar tidak mengalami kesukaran untuk mentafsir maksud ujaran eufemisme itu.

DISFEMISME DAN EUFEMISME BERKAITAN DENGAN BAHASA CACIAN

Masyarakat Bidayuh juga mempunyai bahasa cacian. Bahasa cacian ini juga dikenali sebagai bahasa makian. Menurut Saidatul Normis Hj. Mahali (2007) menyatakan bahawa bahasa makian digunakan untuk melepaskan rasa marah, kecil hati dan benci dalam diri seseorang terhadap orang lain.

Jadual 4: Disfemisme Berkaitan dengan Bahasa Cacian dan Eufemisme yang Digunakan

Bahasa Melayu	Disfemisme Bahasa Bidayuh	Eufemisme Bahasa Bidayuh
Bodoh	budua	dek ponai, kurang cacat, lambat
Gila	bawak	bakok
Celaka	nisot	mawak

Konteks penggunaan: Memaki

Disfemisme: *“Iyoh mala ja soon nomor nyuang daang klas. ***Budua*** manah nakpot noh.”*(Bahasa Bidayuh Bau)

*“Dia selalu saja dapat nombor terakhir dalam kelas. ***Bodoh*** betul budak itu.”* (Bahasa Melayu)

Disfemisme: *“Guruk sadik-sadik eh tong towoh geh dayung noh neh. ***Bawak*** kdin eh.”* (Bahasa Bidayuh Bau)

*“Duduk seorang-seorang pun ketawa juga perempuan tu. Mungkin dia ***gila***.”*(Bahasa Melayu)

Disfemisme: *“Iyoh tang-tang ja napar dingan neh. Masak nang ***nisot***.”*(Bahasa Bidayuh Bau)

*“Dia tiba-tiba sahaja menampar kawan dia. Dasar ***celaka***.”* (Bahasa Melayu)

Konteks Penggunaan: Kemarahan

Eufemisme: “*Nakpot noh nak eh ***dek ponai*** jok keh malas.*” (Bahasa Bidayuh Bau)

“*Budak tu bukannya ***tak pandai*** tapi malas.*” (Bahasa Melayu)

“*Perangai kodak nyaa ***bakok***. Makin nyek ngalah eh makin leh iyoh nai ulah eh.*” (Bahasa Bidayuh Bau)

“*Perangai macam orang ***gila***. Semakin kita tegur semakin lah dia membuat onar.*” (Bahasa Melayu)

“*Tok ***mawak*** dali noh mala ja ngaso dayung.*” (Bahasa Bidayuh Bau)

“*Memang ***celaka*** lelaki tu selalu saja mengacau perempuan.*” (Bahasa Melayu)

Keadaan ini perlu menggunakan penggantian eufemisme supaya tidak mendatangkan rasa kecil hati terhadap pendengar terutama sekali semasa bercakap dengan orang yang lebih tua. Hasil temu bual yang dijalankan, penyelidik memperoleh dapatan bahasa cacian seperti Jadual 4. Melalui Jadual 4, perkataan “bodoh” ialah “budua” sebagai disfemisme Bidayuh. Situasi ini digantikan dengan “dek ponai”, “kurang cacat” dan “lamat” sebagai eufemisme daripada tabu tersebut. Perkataan “gila” merujuk kepada perkataan “bawak” dalam bahasa disfemisme Bidayuh manakala perkataan “bakok” ialah eufemisme bahasa Bidayuh daripada perkataan “bawak”. Sementara itu, perkataan “celaka” untuk memarahi orang lain disebut sebagai “nisot” dalam disfemisme Bidayuh. Perkataan “mawak” disebut dalam eufemisme bahasa Bidayuh bagi menggantikan perkataan “nisot”.

Perkataan budua dianggap kasar bagi masyarakat Bidayuh kerana perkataan tersebut seolah-olah menghina tahap kepandaian seseorang. Penggunaan disfemisme ini dapat menimbulkan perasaan rendah diri terhadap diri pendengar yang ditujukan ungkapan tersebut. Selain itu, penggunaan eufemisme tersebut bertujuan untuk mengelakkan tabu. Masyarakat Bidayuh percaya bahawa sekiranya perkataan “budua” tersebut dapat menjadikan seseorang itu betul-betul bodoh.

Oleh itu, perkataan “budua” digantikan dengan eufemisme “dek ponai”, “cacat” dan “lamat” bagi mengelakkan perasaan rendah diri individu tersebut. Perkataan disfemisme “budua” dapat membuatkan seseorang individu itu marah dan mempersoalkan kemampuan dirinya yang tidak setanding orang yang lebih pandai. Ungkapan ini biasanya digunakan apabila seseorang itu dimarahi kerana tidak mempunyai prestasi yang baik di dalam pelajaran ataupun ketika melakukan sesuatu pekerjaan.

Manakala bagi disfemisme “bawak” pula digantikan dengan eufemisme “bakok”. Ungkapan ini biasanya digunakan untuk merujuk kepada orang yang tidak siaman serta tidak dapat berfikir dengan waras. Disfemisme ini dapat menimbulkan kemarahan seseorang individu terutamanya apabila perkataan ini ditujukan kepada individu yang normal dan sihat akal fikiran. Penggunaan disfemisme ini juga sering digunakan dalam konteks bergurau sesama kawan rapat.

Selain itu, disfemisme “nisot” digantikan dengan eufemisme “mawak”. Disfemisme nisot dapat menimbulkan perasaan marah dan kurang senang sekiranya digunakan di dalam suatu percakapan. Perkataan tersebut dianggap kasar dan dikhuatiri dapat menimbulkan pertengkaran di dalam perbualan. Hal ini menunjukkan masyarakat Bidayuh mementingkan kehalusan berbahasa bagi mengelakkan seseorang berasa tersinggung dan kecil hati.

a) Rangka Rujuk Silang

Penggunaan disfemisme dan eufemisme dalam ayat pertama amat mudah untuk difahami oleh pendengar kerana adanya anteseden *selalu sahaja mendapat nombor terakhir di dalam kelas*. Penggunaan anteseden tersebut memberikan tanggapan kepada pendengar bahawa orang yang selalu mendapat kedudukan terakhir di dalam kelas merupakan orang yang lemah dalam pelajaran dan tidak pandai. Selain itu, pendengar dengan mudahnya boleh mengetahui maksud disfemisme bawak kerana adanya anteseden *duduk seorang-seorang pun ketawa*. Anteseden tersebut menunjukkan bahawa perbuatan ketawa seorang-seorang itu merupakan sebuah perbuatan yang tidak normal sehingga memberikan tanggapan bahawa orang itu gila kerana manusia yang normal kebiasaannya tidak akan ketawa seorang diri. Manakala bagi disfemisme celaka, anteseden yang digunakan di dalam ayat tersebut ialah *tiba-tiba sahaja menampar kawannya*. Anteseden tersebut membuatkan pendengar berasa marah dan menganggap perbuatan itu sebagai suatu perbuatan yang celaka.

b) Analisis Relevan

Dengan maklumat anteseden yang terdapat di dalam ayat, pendengar boleh memperoleh kesan kognitif yang tinggi untuk mentafsirkan disfemisme dan eufemisme yang terdapat di dalam bahasa Bidayuh, Bau. Pendengar tidak menghadapi kesukaran untuk memproses makna-makna tersebut kerana maklumat anteseden yang diberikan di dalam ayat adalah amat jelas dan usaha memproses adalah rendah. Maklumat tambahan yang diberikan membolehkan pendengar mudah untuk mentafsir maksud eufemisme yang digunakan.

DISFEMISME DAN EUFEMISME BERKAITAN DENGAN KEMATIAN

Masyarakat Bidayuh juga tidak terkecuali memiliki disfemisme dan eufemisme berkaitan dengan kematian seperti yang terdapat dalam Jadual 5 di bawah.

Jadual 5: *Disfemisme Berkaitan dengan Bahasa Cacian dan Eufemisme yang Digunakan*

Bahasa Melayu	Disfemisme Bahasa Bidayuh	Eufemisme Bahasa Bidayuh
Meninggal dunia	kobos	doik

Bagi masyarakat Bidayuh, disfemisme “kobos” merupakan suatu ujaran yang kedengaran kasar dan dapat mengguris perasaan pendengar terutamanya ahli keluarga orang yang meninggal. Oleh itu eufemisme “doik” digunakan bagi menggantikan disfemisme tersebut. Disfemisme “kobos” bersinonim dengan perkataan mati di mana perkataan kedua-dua perkataan tersebut dianggap tidak sesuai diucapkan apabila berlaku kematian. Oleh itu, masyarakat Bidayuh, Bau menggunakan eufemisme dalam strategi menjaga tutur kata.

(Disfemisme) “kobos” -----> (Eufemisme) “doik”

Konteks penggunaan: Perasaan

Disfemisme: *“Somba Pina mok ***kobos*** sumi eh. Pikobos iyoh noh bona-bona dak nik kupua gogoh. Bidoa leh sak simongi eh sonang moon.”* (Bahasa Bidayuh Bau)

*“Pak cik Pina telah ***meninggal dunia*** semalam. Kematian dia betul- betul mengejutkan satu kampung. Berdoalah semoga roh dia tenang.”* (Bahasa Melayu)

Konteks Penggunaan: Kekeluargaan

Eufemisme: “*Masik kuk ningak iyoh noh. Bauh geh samak eh ***doik*** bulan lopas. Tih sinok eh lagik ***doik***.*” (Bahasa Bidayuh Bau)

“*Kasihannya saya melihat dia. Bapa dia baru sahaja ***meninggal*** bulan lepas. Sekarang maknanya pula yang ***meninggal***.*” (Bahasa Melayu)

Keadaan ini perlu menggunakan penggantian eufemisme supaya tidak mendatangkan rasa kecil hati terhadap pendengar terutama sekali semasa bercakap dengan orang yang lebih tua. Hasil temu bual yang dijalankan, penyelidik memperoleh dapatan bahasa cacian seperti Jadual 5. Melalui Jadual 5, perkataan “meninggal dunia” ialah “kobos” sebagai disfemisme Bidayuh. Situasi ini menunjukkan penguji menggunakan bahasa yang kasar apabila merujuk kepada kematian seseorang. Penggunaan disfemisme ini dapat menimbulkan perasaan kurang senang dan dapat menambahkan kesedihan ahli keluarga orang yang meninggal. Penggunaan eufemisme untuk mengungkapkan kematian dapat mengurangkan rasa sedih anggota keluarga yang kehilangan insan yang disayangi. Perkataan “doik” bagi masyarakat Bidayuh bermaksud “tiada” yang merujuk kepada seseorang yang tidak lagi hidup di dunia ini. Penggantian disfemisme “kobos” kepada eufemisme “doik” dalam masyarakat Bidayuh menunjukkan bahawa penggantian tersebut boleh mengelakkan timbulnya kesan emosi negatif terhadap ahli keluarga yang tengah berduka setelah kehilangan seseorang.

a) Rangka Rujuk Silang

Ujaran ini berkaitan dengan adat semasa menziarahi rumah orang yang meninggal iaitu tidak boleh menyebut perkataan disfemisme “kobos”. Disfemisme tersebut adalah dilarang kerana dapat menambahkan kesedihan anggota keluarga orang yang meninggal. Oleh itu, eufemisme doik digunakan bagi menggantikan disfemisme tersebut. Penggunaan eufemisme “doik” membolehkan pendengar memahami bahawa eufemisme yang digunakan menjurus kepada hal kematian. Kematian merupakan suatu hal yang tidak dielakkan oleh semua orang. Setiap benda yang hidup pasti akan mati.

Berdasarkan anteseden yang terdapat di bahagian ayat ketiga iaitu roh, pendengar dapat mentafsir maksud eufemisme “doik” yang merujuk kepada sesuatu yang sudah tiada. Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua, roh bermaksud makhluk hidup yang berperasaan dan berfikiran tetapi tidak berjasad. Anteseden ini membuatkan pendengar memahami dengan jelas maksud eufemisme “doik”.

b) Analisis Relevan

Berdasarkan anteseden roh, pendengar boleh memperoleh kesan kognitif yang tinggi kerana roh itu sememangnya hanya ditujukan untuk orang yang sudah meninggal dunia. Dengan kesan kognitif yang tinggi, pendengar berupaya memproses makna tersirat eufemisme ini dengan mudah kerana apabila pendengar mendengar ayat berdoalah supaya roh dia tenang, pendengar terus berandaian bahawa seseorang itu tidak lagi bernyawa iaitu sudah meninggal dunia. Pendengar tidak mengalami kesukaran untuk mentafsir maksud tersirat eufemisme tersebut kerana walaupun maklumat anteseden yang terdapat di dalam ayat tersebut hanya satu, pendengar dapat memahami dengan jelas maksud eufemisme tersebut.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pemakaian bahasa halus atau eufemisme seharusnya diaplikasikan dalam setiap komunikasi lisan. Tidak kiralah dalam kalangan masyarakat Bidayuh, Bau mahupun bukan. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan bahasa sebegini mampu mengelakkan konflik dalam sesuatu komunikasi terutamanya ketika berkomunikasi dalam keadaan marah, bergurau, memerli dan sebagainya. Adalah satu pilihan yang bijak bagi penutur menggunakan eufemisme berbanding disfemisme (bahasa kasar) ketika berkomunikasi tidak kiralah dalam kalangan rakan sebaya, keluarga mahupun, orang awam.

Bagi kajian ini, pengkaji telah menerapkan pengkategorian eufemisme daripada Teori Allan dan Burrige (1991). Melalui pengkategorian ini, terdapat sembilan pecahan iaitu, anggota tubuh badan, jantina, seks, kemarahan, kebencian, penyakit, kematian, ketakutan dan merujuk kepada tuhan. Walau bagaimanapun, bagi dapatan kajian ini, pengkaji hanya memperoleh lima eufemisme dan disfemisme yang digariskan oleh Allan dan Burrige (1991). Eufemisme berasosiasi dengan masyarakat Bidayuh, Bau di Kampung Serasot ialah anggota tubuh badan, jantina (merujuk kepada hal kewanitaan), kebencian (merujuk kepada hal-hal kebersihan), kemarahan (merujuk kepada bahasa cacian) dan hal kematian. Berbeza pula, dengan dapatan data eufemisme dalam bahasa Iban yang memenuhi semua pengkategorian eufemisme Allan dan Burrige (1991) – rujuk kajian Daud, Wahid dan Gedat (2017, 2018). Oleh itu, satu cadangan kepada pengkaji akan datang supaya meneliti eufemisme dan disfemisme yang berkaitan dengan seks, penyakit, ketakutan dan merujuk kepada tuhan dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau, Sarawak.

Bagi menganalisis data eufemisme dan disfemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau pula, pengkaji telah menerapkan Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1986) dan dikemaskinikan (1995) serta Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986). Penerapan teori yang mampan seperti TR dan RRS diperlukan supaya huraian data disokong dan mampu membentuk aturan konsepsi dan membekalkan kemudahan bagi menjelaskan fenomena yang kompleks dalam berbahasa. Dengan adanya, konteks, kesan kognitif yang tinggi terhadap penggunaan eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau akan menyebabkan usaha memproses yang rendah. Dengan itu, tiada masalah bagi penutur Bidayuh, Bau menggunakan eufemisme dalam komunikasi lisan mereka berbanding disfemisme. Oleh itu, kajian ini telah membuka lembaran baharu dalam kajian eufemisme dan disfemisme khususnya dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau, Sarawak. Dengan kajian sebegini, mampu menjadi rujukan kepada pengkaji akan datang merujuk dan menambah baik dapatan kajian eufemisme dan disfemisme daripada pelbagai aspek dan perspektif yang baharu atau lain.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan penduduk Kampung Serasot, Bau, Sarawak dan Cik Leonora Natrana Anak Gudom (16030480) dari Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

RUJUKAN

Allan, K., & Burrige, K. (1991). *Euphemism & dysphemism language used as shield and weapon*. New York: Oxford University Press.

- Aman, R. (2008). *Linguistik bandingan bahasa Bidayuhik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Apin, P., & Wahab, K. A. (2015). Tabu bahasa dalam masyarakat Dusun di Daerah Ranau, Sabah. *Jurnal Melayu*, 14(2), 224-293.
- Collins, J. T. (1990). Bibliografi dialek Melayu di Pulau Borneo. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daud, M. Z. (2018a). Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 19-28.
- Daud, M. Z. (2018b). Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41-51.
- Daud, M. Z. (2018c). Pengaplikasian kerangka semantik inkuisitif melalui slanga. *MALTESAS MultiDisciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 43-52.
- Daud, M. Z. (2020). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif*. (Tesis sarjana). Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019a). Ayam (gallus gallus domesticus) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(1), 36-42.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019b). “Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik”: Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 37-62.
- Daud, M., & Subet, M. (2019c). Slanga dan simbol tumbuhan dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu*, 30(1), 108-136.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019d). *Elemen perlambangan unggas dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif*. Poster session presented at Hari Terbuka Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Daud, M. Z., Wahid, M. S. N. A., & Gedat, R. (2017). Eufemisme dalam bahasa Iban: Satu kajian kes di Kampung Lebor, Serian, Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11(1), 87-105.
- Daud, M. Z., Wahid, M. S. N. A., & Gedat, R. (2018). Penggunaan eufemisme dalam kalangan penutur Iban. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 8(1), 27-40.
- Frazer, J. G. (2000). *The golden bough*. New York: Bartleby.
- Jalaluddin, N. H. (2014a). *Semantik dan akal budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jalaluddin, N. H. (2014b). Pemugaran penyelidikan untuk pemerksaan bahasa. Retrieved from Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia website: http://eseminar.dbp.gov.my/ceramahnj/kertas_kerja_norha_shimah_jalaluddin
- Jalaluddin, N. H. (2015). Peribahasa ‘Parasit’ dan akal budi Melayu: Analisis semantik inkuisitif. In Seminar Bahasa dan Sastra 2015 (pp. 281-293). Bangi: Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jalaluddin, N. H., & Syah, A. H. (2009). Penelitian makna imbuhan pen- dalam bahasa Melayu: Satu kajian rangka rujuk silang. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 9(2), 57-72.
- Kamus Linguistik*. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, R. M. (1986). Ambiguity and the semantics and pragmatics distinction. In C. Travis (Ed.), *Meaning and interpretation*. Oxford: Basil Blackwell.
- Leech, G. 1993. Prinsip pragmatik. (Terj. Azhar M. Simin). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mahali, S. N. H. (2007). *Unsur bahasa dalam budaya*. Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Nopiah, J., Jalaluddin, N. H., & Kasdan, J. (2017a). Refleksi dualisme ‘Durian-Timun’ dalam peribahasa Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 21(2), 001-014.

- Nopiah, J., Jalaluddin, N. H., & Kasdan, J. (2017b). Elemen dualisme dalam peribahasa: Pendekatan semantik inkuisitif. *MELAYU: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(1), 66-88.
- Nopiah, J., Jalaluddin, N. H., & Kasdan, J. (2018). Refleksi gastronomi dalam komunikasi: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 34(1), 185-201.
- Omar, A. H. (2008). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rensch, C. R. (2006). Rhythm in Bidayuh. Paper presented at Tenth January 2006. Puerto Pincesa City, Palawan, Philippines. <http://www.sil.org/asia/philippines/ical/papers.html>.
- Seruddin, E. Z. H. M. (2018). Analisis Rangka Rujuk Silang dalam pantang larang suku Kedayan di Brunei: Fokus kepada aspek kehamilan dan bersalin. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(2), 17-27.
- Shin, C. (2008). *Bahasa Bidayuhik di Borneo Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell
- Subet, M. F., & Nasir, M. R. M. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227-253.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2016). "Giler" atau "Gile": Slanga kata penguat. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 293-306. doi:10.31219/osf.io/jym6a
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2017). *Semantik dan makna konotasi dalam slang pelacur*. Kertas kerja ini dibentangkan semasa The International Conference on Language Studies 2017, Kuching (Riverside Majestic Hotel), Malaysia.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2018). Makna denotatif dan konotatif dalam slang pelacur. *MALTESAS MultiDisciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 29-49.
- Teo, K. S. (1996). *Kesopanan bahasa*. Pelita Bahasa, Oktober: 40-43.
- Trudgill, P. (1995). *Sociolinguistics: An introduction to language and society*. Harmondsworth, England: Penguin Books.
- Wahid, M. S. N. A., & Daud, M. Z. (2018). Individu dan pemilihan dialek: Kajian kes di Kota Samarahan, Sarawak. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 11-21.